

**Mesyuarat ke-21 Kumpulan Kerja Pengauditan IT INTOSAI  
25 – 26 Januari, 2012  
The Royale Chulan Hotel Kuala Lumpur, Malaysia**



Mesyuarat ke-21 Kumpulan Kerja Pengauditan IT (WGITA) Pertubuhan Antarabangsa Institusi Tertinggi Audit (INTOSAI) telah diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia mulai dari 25 hingga 26 Januari, 2012. Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh 52 peserta dari 23 negara iaitu Australia, Bangladesh, Bhutan, Brazil, Brunei Darussalam, Kemboja, Kanada, China, Colombia, India, Indonesia, Iran, Iraq, Kiribati, Kuwait, Lithuania, Malaysia, Norway, Oman, Poland, Russian Federation, Afrika Selatan dan Amerika Syarikat.

YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin Bin Buang, Ketua Audit Negara Malaysia, dalam ucapan aluannya amat berbesar hati kerana diberi penghormatan sebagai tuan rumah bagi mesyuarat kali ini di Kuala Lumpur, di mana semua delegasi yang hadir dapat berpeluang untuk bertukar-tukar idea baru dalam pembangunan pengauditan IT yang terkini serta perkara-perkara yang berkaitan. Beliau memberi taklimat kepada delegasi yang hadir berkenaan insiatif ICT Kerajaan Malaysia serta pembangunan dalam pengauditan IT. Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada Encik Vinod Rai, *Comptroller* dan Ketua Audit Negara India atas kepimpinan cemerlang beliau sebagai Pengerusi WGITA. YBhg. Tan Sri menegaskan sokongan beliau atas usaha-usaha INTOSAI WGITA dalam meningkatkan profil pengauditan IT.

Encik Vinod Rai, *Comptroller* dan Ketua Audit Negara (CAG) India yang juga Pengerusi WGITA mengucapkan terima kasih kepada Ketua Audit Malaysia kerana telah menganjurkan mesyuarat ini dengan cemerlang. Beliau juga mengalu-alukan kehadiran SAI Indonesia dan Iraq untuk menyertai kumpulan ini sebagai anggota. Beliau mengatakan bahawa pertumbuhan dalam keahlian kumpulan ini dapat menyumbang kepada masyarakat INTOSAI dalam pencapaian Kumpulan Kerja.

### Gambar Semasa Perasmian Mesyuarat WGITA



Ucapan Aluan oleh YBhg, Tan Sri Dato' Setia Ambrin Buang, Ketua Audit Negara Malaysia



Ucapan perasmian oleh Encik Vinod Rai, *Comptroller* & Ketua Audit Negara India dan juga Pengerusi WGITA



Pertukaran cenderahati antara YBhg. Dato' Setia Ambrin bin Buang, Ketua Audit Negara Malaysia dan Encik Vinod Rai, *Comptroller* & Ketua Audit Negara dan juga Pengerusi WGITA



Agenda yang dibincangkan semasa mesyuarat tersebut adalah seperti jadual berikut:

<b>Agenda</b>	<b>Pembentang/Negara</b>
<i>Report on Into IT &amp; Report on Working Group Website and Reference List of Material on Performance Audit</i>	Mr. Jagbans Singh-delegasi India
<i>Reports on Projects (Work Plan 2011 – 2013</i>	Mr. Yang Yunyi - delegasi China
<i>Optimizing IT Value in Governance Organization</i>	Mr. Bernard Battistin – delegasi Kanada
<i>Green IT</i>	Mr. Arthur Lio – delegasi Norway
<i>Cloud Computing and Virtualization</i>	Mr. Madhav Panwar - delegasi Amerika syarikat
<i>Cooperation with IDI</i>	Ms. Shefali Andaleeb – wakil INTOSAI IDI
<i>Auditing ERP System without specific CAATs</i>	Brazil
<i>EUROSAI e-Government Audit Algorithm-An Invitation to Share Knowledge</i>	Poland
<i>Selecting Performance Indicators for an Audit of a State Information System – Russian Experience</i>	Russian Federation
<i>Tutorial Film On INTOSAI Collaboration Tool</i>	India
<i>Discussion on Preparations for the 22<sup>nd</sup> Meeting of WGITA and 7<sup>th</sup> Performance Auditing Seminar</i>	Dr. Dainus Jakimavicius – delegasi Lithuania
<i>Discussion on Venue for the 23<sup>d</sup> Meeting of WGITA</i>	Kuwait

Sebagai penutup, Encik Vinod Rai, Pengerusi WGITA mengatakan bahawa mesyuarat tahunan INTOSAI WGITA ini adalah forum penting untuk kolaborasi projek serta bertukar-tukar maklumat dan pendapat di kalangan ahli-ahli kumpulan.

### Gambar Semasa Mesyuarat WGITA



Mr. K.M. Serajul Munir – delegasi Bangladesh



Mr. Bernard Battistin – delegasi Kanada





Mr. Pawel Banas – delegasi Poland



Ms. Shefali Andaleeb – delegasi INTOSAI IDI



Mr. Yang Yunyi - delegasi China



Mr. Arthur Lio – delegasi Norway

**Gambar Semasa Jamuan Makan Malam Yang Dihoskan  
Oleh *Comptroller & Ketua Audit Negara India/Pengerusi WGITA*  
dan Ketua Audit Negara Malaysia**



Encik Vinod Rai memberi ucapan aluan yang dihoskan oleh beliau semasa Jamuan Makan Malam di Shangri-La Hotel, Kuala Lumpur



Tuan rumah, YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin Buang memberi ucapan aluan semasa Jamuan Makan Malam yang dihoskan oleh beliau di the Royale Chulan Kuala Lumpur



Persembahan kebudayaan daripada Kementerian Kebudayaan Negeri Sembilan



Delegasi mencuba bakat masing-masing dalam tarian kebudayaan



**Gambar Semasa Lawatan Sosial Sekitar Bandar Raya Kuala Lumpur, Akademi Audit Negara, Lawatan Putrajaya Termasuk *Cruise* Tasik Putrajaya**

